

SH 20/1/20 ms 6

Kewangan PLUS tidak terjejas

LANGKAWI - Kedudukan kewangan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) tidak akan terjejas susulan penurunan sebanyak 18 peratus kadar tol lebuh raya.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, PLUS telah membuat pengakuan kepada kerajaan dengan mengurangkan tol lebuh raya dan tiada kenaikan tol selama 38 tahun.

Menurutnya, PLUS juga akan mempunyai perolehan yang mencukupi daripada hasil kutipan tol bagi membiayai kerja-kerja penyelenggaraan

lebuh raya.

"Kita percaya penggunaan lebuh raya akan terus meningkat pada masa hadapan dan ia dapat menambah pendapatan Khazanah Nasional.

"PLUS juga mempunyai pendapatan tambahan lain selain tol melalui iklan dan lain-lain kemudahan miliknya di lebuh raya," katanya pada sidang media selepas melawat Loji Rawatan Kumbahan Pantai Tengah di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar.



Pemandangan di sekitar kawasan Plaza Tol Juru, Pulau Pinang di bawah kendalian PLUS yang akan diturunkan sebanyak 18 peratus pada tahun ini.